



Buletin

Muharram 1447H/Julai 2025

ACIS



Festival Halal 1.0

eISSN 2600-8289



9 772600 828001

Buletin ACIS

SIDANG REDAKSI

Penaung:

Prof Dr Yamin Yasin (Rektor)

Penasihat:

Nasif Sidquee Pauzi (Ketua Pusat Pengajian ACIS)

Editor:

Ahmad Faiz bin Haji Ahmad Ubaidah

Nasif Sidquee Pauzi

Dr Mohamad Redha bin Mohamad

Sidang Pengarang:

Dr. Muhammad Firdaus Abdul Manaf

Nasif Sidquee Pauzi

Muhammad Noor Hussin

Dr. Nabilah Huda Zaim

Siti Hajar Sopia Amran

Dr. Mohamad Hasif Jaafar

Dr Mohd Asyran Safwan bin Kamaruzaman

Nurul Safwah binti Mohd Aminuddin Zaki

Suhaila binti Sharil

Nurul Atikah binti Poniran

Siti Nur Husna bin Abd Rahman

Shahril Anuar bin Abdul Ghalim

Dr Rafidah binti Mohd Azli

Dr Nursafra binti Mohd Zhaffar

Siti Nadiah Babge

Mustafa Kamal Mat

Saflina Azis

Penerbit:

Akademi Pengajian Islam Kontemporari

UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban

Persiaran Seremban Tiga/1 70300 Seremban 3,

Negeri Sembilan

Keterangan:

Pengarang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap artikel yang dihantar dari segi ketepatan fakta dan bebas daripada unsur plagiat, terjemahan atau penyiaran di mana-mana penerbitan. Artikel menjadi milik ACIS UiTM Negeri Sembilan untuk disunting, dicetak dan diterbitkan.

Berminat untuk menerbitkan artikel akademik atau kreatif?

Hantarkan ke

buletinacisnsdk@gmail.com

Pengantar Redaksi

Assalamualaikum dan salam sejahtera kepada pembaca budiman sekalian, Alhamdulillah **Buletin ACIS siri ke-79** pada bulan Jun 2025 yang mempunyai e-ISSN ini berjaya diterbitkan. Perkongsian utama bulan ini bertemakan "**Festival Halal 1.0**". Selain itu, bermula Jan 2025 telah memperkenalkan satu ruangan baharu yang dinamakan **Serambi Wahyu** serta terdapat banyak lagi hasil penulisan yang menarik di dalam keluaran kali ini. Semoga Buletin ACIS ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca dan warga UiTM semua. Selamat membaca.

Isi Kandungan

Festival Halal 1.0 2025 Meriah Dengan Pelbagai Program Edukatif Dan Kebajikan 3

Program Korban Perdana & Kursus Sembelihan Ayam bersama Pelajar ISH301 4

Sharing Session with Alumni UiTM 6

Program *Halal Awareness* 7

Kepatuhan Halal: Kepentingan Sembelihan Binatang mengikut Standard Islam untuk Kesihatan dan Kesejahteraan 9

Kritikan Penyiaran: Keupayaan menilai dalam Kritikan Filem 11

Hotel Patuh Syariah: Penting atau Tidak? 13

Puisi: Niat Membantu, Tingkah Meruntuhkan 15

Celik Kewangan: Teliti Dalam Berhutang, Kira Dulu Sebelum Pinjam 16

eISSN 2600-8289



HAKCIPTA TERPELIHARA

Terbitan Buletin ACIS ini
diterbitkan secara bulanan



<https://www.facebook.com/ACISUiTMCNS/>

Festival Halal 1.0 2025

Meriah Dengan Pelbagai Program Edukatif Dan Kebajikan

Oleh:

Dr. Muhammad Firdaus Abdul Manaf, Nasif Sidquee Pauzi, Muhammad Noor Hussin, Dr. Nabilah Huda Zaim, Siti Hajar Sopia Amran, Dr. Mohamad Hasif Jaafar, Dr. Mohd Asyran Safwan Kamaruzaman, Suhaila Shahril & Nurul Safwah Mohd. Aminuddin

Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Cawangan Negeri Sembilan

Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Negeri Sembilan melalui Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) telah menganjurkan 'Festival Halal 1.0 2025', sebuah program berskala besar yang menghimpunkan beberapa acara utama melibatkan kerjasama pelbagai pihak, termasuklah Timbalan-Timbalan Pengarah Utama melalui satu jawatankuasa induk dan beberapa jawatankuasa kecil.

Festival Halal 1.0 2025 ini membuka tirainya pada Isnin, 9 Jun 2025 dengan penganjuran 'Taklimat Kursus Sembelihan Ayam' secara dalam talian yang dihadiri lebih 30 orang pelajar Diploma Pengurusan Halal, ACIS. Menurut Dr. Mohamad Hasif Jaafar, Timbalan Pengarah Kursus Jangka Pendek Sembelihan, program ini memberi pendedahan menyeluruh mengenai konsep dan proses penyembelihan halal yang betul serta aspek perundangan yang berkaitan.

Keesokan harinya, Selasa, 10 Jun 2025, tiga program utama dijalankan serentak, dimulakan dengan 'Program USR Sembelihan Ayam' di Bengkel Tekstil, Kampus Kuala Pilah yang melibatkan penyertaan pelajar, kakitangan UiTM dan masyarakat Kg. Parit Tinggi, Beting, Kuala Pilah. Program ini memberi peluang kepada para peserta untuk melaksanakan amali penyembelihan setelah menghadiri taklimat teori sebelumnya. Seterusnya, berlangsung 'Program Korban Perdana 2025' sekitar jam 9.30 pagi dengan penyembelihan dua ekor lembu. Menurut Dr. Mohd Asyran Safwan Kamaruzaman, Timbalan Pengarah program, inisiatif ini bukan sahaja memudahkan pelaksanaan ibadah korban secara berkelompok, malah memperkukuh hubungan dengan masyarakat setempat dan golongan asnaf. Hari yang padat itu turut diserikan dengan gotong-royong memasak bersama-sama dengan penduduk kampung dan warga UiTM yang diakhiri dengan jamuan makan tengah hari dalam suasana mesra dan harmoni.

Festival diteruskan pada Rabu, 11 Jun 2025 dengan penganjuran 'Program USR Halal Awareness' di Maahad Tahfiz as-Sa'idiyyah, Seremban. Program di bawah kendalian Ustazah Suhaila Shahril selaku Timbalan Pengarah USR itu dihadiri lebih daripada 100 orang peserta. Ia bertujuan memperkukuh jaringan kerjasama UiTM bersama institusi pendidikan lain selain meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan halal dalam kehidupan seharian. Program tersebut merangkumi dua sesi utama. Sesi pertama berbentuk forum yang bertajuk 'Kesedaran Halal Dalam Masyarakat' yang dipengerusikan oleh Dr. Husnul Rita Aris serta disampaikan oleh dua panel jemputan iaitu Dr. Rafidah



Mohd Azli dan Ustaz Ahmad Mustafa Surdi Roslan. Sesi kedua pula berbentuk bengkel yang disampaikan oleh Ustazah Suhaila Shahril sendiri. Ketua Pusat Pengajian ACIS, Ustaz Nasif Sidquee Pauzi turut hadir bagi menyampaikan cenderamata kepada pihak sekolah.

Pada Jumaat, 13 Jun 2025, festival diteruskan dengan 'Program Sharing Session Bersama Alumni ACIS' yang bertempat di Dewan Anjung Perpatih, Kampus Kuala Pilah. Sesi perkongsian yang berlangsung dari jam 9.00 pagi hingga 11.30 pagi ini menampilkan dua alumni iaitu Saudara Ahmad Wafie Yusli dan Saudara Muhammad Zahidul Fitri Zamzur, serta dikendalikan oleh Saudari Nurin Nisrina Mohd Tarmizi. Menurut Ustazah Nurul Safwah Mohd Aminuddin, program ini membuka ruang kepada pelajar untuk mendapat inspirasi, motivasi serta maklumat mengenai prospek kerjaya selepas graduasi.

Majlis Penutupan Festival Halal 1.0 2025 berlangsung pada hari yang sama sekitar jam 12.00 tengah hari dan telah disempurnakan oleh Pengarah Festival, Dr. Muhammad Firdaus Abdul Manaf. Dalam ucapan penutupnya, beliau merakamkan penghargaan kepada seluruh warga kerja festival atas komitmen dan dedikasi tinggi dalam menjayakan program. Beliau turut berharap agar penganjuran Festival Halal akan diteruskan secara lebih berstruktur dan berimpak tinggi pada masa akan datang. Festival Halal 1.0 2025 secara keseluruhannya mencerminkan komitmen UiTM dalam memperkasakan ilmu halal, memperluas jaringan komuniti serta membentuk mahasiswa yang seimbang daripada segi akademik dan sahsiah.

Program Korban Perdana & Kursus Sembelihan Ayam bersama Pelajar ISH301



Oleh:

Dr Mohd Asyran Safwan bin Kamaruzaman
Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam
Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri
Sembilan Kampus Kuala Pilah

Pada 10 Jun 2025, kawasan lapang Bengkel Tekstil, UiTM Kuala Pilah telah meriah dengan penganjuran Program Korban Perdana & Kursus Sembelihan Ayam anjuran pelajar kursus ISH301 dengan kerjasama penduduk Kampung Parit Tinggi. Program dimulakan seawal jam 8.30 pagi dengan penyembelihan dua ekor lembu korban yang diketuai oleh Imam Mohd Fadzly bin Spalie.



Selain itu, beliau turut menyempurnakan sembelihan seekor kambing akikah milik Ustazah Atikah Poniran, yang kemudiannya dimasak menjadi sup kambing untuk dinikmati bersama para peserta dan penduduk kampung. Sementara itu, pelajar ISH301 mendapat bimbingan langsung daripada Dr. Mohd Asyran Safwan bin Kamaruzaman dalam sesi pengajaran penyembelihan 60 ekor ayam anjuran dengan dana daripada Tabung Amanah Pelajar dibawah BHEA, memberikan pendedahan praktikal yang sangat bermakna kepada mereka.

Suasana gotong-royong semakin gamat apabila penduduk kampung dan pelajar berganding bahu melapah daging, diikuti dengan rewang memasak. Antara menu utama hasil kerjasama ini ialah Masak Lemak Cili Api Daging, Paprik Ayam, dan Sup Kambing Akikah. Semua hidangan kemudian disantap dalam suasana makan berjemaah, sekali gus mengukuhkan ukhuwah warga kampus dan masyarakat setempat.

Program ini bukan sahaja memberi pendedahan amali kepada pelajar mengenai ibadah korban, akikah, dan kaedah sembelihan yang sah, tetapi juga menghidupkan kembali tradisi gotong-royong kampung yang semakin jarang diamalkan.







Sharing Session with Alumni UiTM



Oleh:
Nurul Safwah binti Mohd Aminuddin Zaki
Pensyarah, Akademi Pengajian Islam
Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri
Sembilan Kampus Kuala Pilah

Pada 13 Jun 2025, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) dengan kerjasama Persatuan Diploma Pengurusan Halal (PDPH) telah menganjurkan Sharing Session with Alumni UiTM sempena Halal Festival 1.0 di Dewan Anjung Seri Perpatih, UiTM Kampus Kuala Pilah. Program yang dihadiri lebih 100 mahasiswa ini menjadi medan interaksi santai antara pelajar Diploma Pengurusan Halal dan alumni ACIS.

Tujuan utama program ini adalah memberi pendedahan mengenai hala tuju selepas pengajian diploma serta prospek kerjaya dalam industri halal. Forum santai ini menampilkan tiga alumni jemputan yang berkongsi pengalaman mereka, diselangai sesi soal jawab daripada mahasiswa yang hadir. Pelajar diberi peluang bertanya soalan berkaitan cabaran, kemahiran dan peluang yang ada dalam bidang halal. Sepanjang sesi, para peserta memperoleh banyak pengetahuan bermanfaat berkaitan dunia pekerjaan dan kepentingan mempersiapkan diri dengan ilmu serta integriti yang tinggi. Sesi perkongsian ini turut memberi motivasi kepada mahasiswa untuk terus bersemangat menamatkan pengajian dengan cemerlang, selain mengaplikasikan prinsip halal dalam kehidupan seharian.

Program ini juga menjadi penutup rasmi Halal Festival 1.0 yang berlangsung dengan penuh jayanya. Selain pengisian forum, sesi turut diwarnai dengan penyampaian cenderahati, sesi fotografi dan pengiktirafan e-Merit kepada peserta. Walaupun terdapat beberapa cabaran teknikal kecil, keseluruhan program berjalan lancar hasil kerjasama mantap antara jawatankuasa pelaksana, pensyarah serta mahasiswa yang terlibat.

Menurut maklum balas peserta, program ini bukan sahaja menambah ilmu malah membuka mata mereka tentang potensi besar dalam industri halal. Alumni yang hadir berjaya memberi inspirasi kepada pelajar untuk lebih fokus terhadap hala tuju akademik dan kerjaya. Kesimpulannya, Sharing Session with Alumni UiTM telah mencapai objektif dengan memberikan pendedahan, motivasi dan pengalaman berharga kepada mahasiswa Diploma Pengurusan Halal. Penganjuran sebegini wajar diteruskan kerana ia mampu menjadi pemangkin semangat serta membina nilai tambah kepada generasi pelapis dalam bidang halal.



Program *Halal Awareness*



Oleh:

Suhaila Sharil

Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau

Program Halal Awareness yang telah dijalankan pada 11 Jun 2025 di Sekolah Maahad Tahfiz As-Saidiyyah (MTAS) Seremban telah mendapat sambutan yang menggalakkan oleh pelajar MTAS di mana program ini menjadi salah satu daripada USR ACIS. Seramai 168 Orang pelajar telah hadir walaupun sasaran peserta adalah dalam kalangan pelajar tingkatan 1 hingga 3 sahaja iaitu merangkumi 88 Orang pelajar. Antara objektif program adalah mengenalpasti kesedaran pelajar terhadap konsep halalan toyyiban dari segi pengetahuan dan sikap. Pada jam 10.30 Pagi majlis dimulakan dengan kata aluan dari pengerusi majlis Muallimah Fatimah Az-Zahra' Binti Abdullah Guru Penolong Kanan Tarbiah MTAS dan seterusnya dimulakan dengan sesi ice breaking.



Setelah itu, forum Halal Awareness dimulakan oleh Dr. Husnul Rita Aris Pensyarah Kanan ACIS UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban yang menjadi moderator forum. Antara panel jemputan pertama ialah Dr Rafidah Mohd Azli Pensyarah Kanan ACIS UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah dan panel jemputan kedua ialah Ustaz Ahmad Mustafa Bin Surdi Roslan Pensyarah PTFT ACIS UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau. Pelajar MTAS telah didedahkan dengan Konsep Halal dan Haram serta Fiqh Halal Kontemporari. Ahli panel juga turut memperkenalkan kepada pelajar bagaimana ingin menggunakan laman web JAKIM untuk mengenalpasti barangan halal. Selain itu, pelajar-pelajar juga berinteraksi bersama ahli panel pada sesi soal jawab. Ahli panel juga turut menerangkan kos-kos yang ditawarkan di UiTM antaranya Diploma Pengurusan Halal.

Forum Halal Awareness tamat pada jam 12.30 Tengahari dengan penyampaian cenderamata kepada ahli panel dan

moderator oleh Muallimah Norhayati Baharum Pengetua Maahad Tahfiz As-Saidiyyah. Tidak dilupakan juga Cenderahati kepada Ketua Pusat Pengajian ACIS UiTM Cawangan Negeri Sembilan Ustaz Nasif Sidquee Pauzi yang telah turun padang untuk bersama-sama pelajar MTAS.

Sesi penyampaian cenderamata juga turut diberikan kepada Muallimah Norhati Baharum atas penghargaan dan kesudian menerima program Halal Awareness yang dianjurkan oleh Akademi Pengajian Islam Kontemporari UiTM Cawangan Negeri Sembilan.

Sesi kedua dimulakan pada jam 2 Petang bersama Sembilan orang pelajar-pelajar UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau yang menjadi fasilitator. Pelajar-pelajar tingkatan 5 juga turut serta dalam sesi kedua selepas pembelajaran. Sesi kedua adalah bengkel di mana pihak penganjur menyediakan aktiviti Latihan dalam Kumpulan untuk disertai oleh pelajar-pelajar MTAS. Sebanyak 3 aktiviti disediakan pada sesi kedua di mana pelajar-pelajar perlu membuat aktiviti 'telefon rosak' yang disertakan dengan hadis halal dan haram.

Sesi kedua pelajar-pelajar perlu melukis mengenai perkara-perkara yang diharamkan dalam Islam terdiri daripada makanan, barangan, dan lain-lain serta membuat peta minda prinsip asas halal dan haram. Aktiviti yang ketiga adalah pelajar-pelajar perlu menggunakan sudu yang terdapat di dalamnya bola pingpong dan sudu tersebut perlu menggunakan 2 jari manis dan jari kelingking untuk di berikan kepada rakan-rakan dalam kumpulan di mana yang terakhir perlu menjawab blooket.

Seramai 117 Orang pelajar yang telah mengisi borang soal selidik pra dan pasca mengenai tahap Kesedaran Pelajar Terhadap Konsep Halalan Toyyiban. Antara dapatan program Halal Awareness adalah pelajar-pelajar MTAS sangat menyukai suasana program hingga 90.5% yang memberikan penghargaan baik, amat baik dan cemerlang. Terdapat juga tahap peningkatan terhadap pengetahuan dan sikap pelajar di mana 67 orang (57%) pelajar tiada pengetahuan dan mempunyai pengetahuan minimum terhadap situasi ketika dalam keadaan darurat perkara yang tidak halal boleh digunakan kepada 94 orang (80%) mempunyai pengetahuan yang baik dan cemerlang selepas forum konsep *Halalan Toyyiban* didedahkan kepada pelajar.

Selain itu dari segi sikap pelajar pula terdapat 75 orang (64%) pelajar tiada pengetahuan dan mempunyai pengetahuan yang minima terhadap cara membuat semakan kesahihan logo halal di laman web JAKIM dan selepas daripada forum 93 Orang (79%) pelajar MTAS telah mempunyai pengetahuan yang baik dan cemerlang untuk membuat semakan logo Halal di Laman Web JAKIM. Setinggi penghargaan dan tahniah kepada barisan jawatankuasa *Halal Awareness* dan ZAWAF UiTM Cawangan Negeri Sembilan kerana menjayakan program Halal Awareness.



Kepatuhan Halal: Kepentingan Sembelihan Binatang Mengikut Standard Islam untuk Kesihatan dan Kesejahteraan



Oleh:

Nurul Atikah Binti Poniran

Pensyarah Akademi Pengajian Islam
Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan
Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah



**Nurul Safwah Binti Mohd Aminuddin
Zaki**

Pensyarah Akademi Pengajian Islam
Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan
Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah

Sembelihan binatang adalah satu proses penting dalam penyediaan makanan dalam Islam. Ia tidak hanya melibatkan pematuhan kepada prosedur fizikal, tetapi juga kepada prinsip-prinsip agama yang terkandung dalam hukum-hukum halal. Dalam Islam, halal bukan sahaja berkaitan dengan makanan yang dibenarkan dimakan, tetapi juga dengan cara dan prosedur yang digunakan untuk menyediakan makanan tersebut. Oleh itu, patuh kepada standard sembelihan binatang yang mengikut prinsip halal adalah sangat penting untuk memastikan makanan yang dimakan oleh umat Islam adalah suci dan sah dari segi agama. Artikel ini akan membincangkan kepentingan patuh standard sembelihan binatang mengikut halal, dari sudut pandangan agama, kesihatan, dan kesejahteraan masyarakat.

Pematuhan kepada Ajaran Islam

Halal adalah konsep yang sangat penting dalam Islam. Allah SWT berfirman dalam Al-Quran dalam Surah Al-Maidah, ayat 3:

"Pada hari ini telah Aku sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan telah Aku cukupkan kepada kamu nikmat-Ku, dan telah Aku redhai Islam sebagai agama bagi kamu."

Salah satu daripada prinsip yang terkandung dalam ajaran Islam adalah memastikan segala makanan dan minuman yang dimakan adalah halal. Oleh itu, sembelihan binatang mengikut cara yang ditetapkan oleh Islam adalah wajib untuk menjamin kehalalannya.

Sembelihan halal mempunyai beberapa syarat yang ketat, antaranya:

1. Menutup saluran utama: Sembelihan harus dilakukan dengan memotong saluran makanan dan pernafasan binatang (kerongkong dan saluran darah) secara cepat dan tepat bagi memastikan darah keluar sepenuhnya.

2. Bismillah dan Takbir: Setiap sembelihan mestilah disertai dengan penyebutan nama Allah ("Bismillah" dan "Allahu Akbar") sebelum dilakukan, bagi memastikan sembelihan tersebut dilakukan dengan niat yang suci dan penuh ketakwaan.

3. Pembunuhan tanpa penyiksaan: Binatang mesti disembelih dengan cara yang mengurangkan kesakitan, dan sebarang bentuk penderaan atau penyiksaan terhadap binatang adalah dilarang dalam Islam.

Mematuhi prosedur sembelihan halal bukan sahaja menjamin makanan yang sah dimakan, tetapi ia juga merupakan satu bentuk ketaatan dan penghormatan kepada Allah. Ini menunjukkan bahawa setiap aspek kehidupan, termasuk pemilihan dan penyediaan makanan, adalah sebahagian daripada amal ibadah dalam Islam.

Jaminan Kebersihan dan Kesihatan

Sembelihan mengikut standard halal juga memberikan jaminan kebersihan dan kesihatan kepada umat Islam. Salah satu sebab utama mengapa sembelihan binatang perlu mengikut standard halal adalah untuk memastikan bahawa binatang yang disembelih bebas daripada penyakit berbahaya dan darah yang mengandungi toksin.

Proses sembelihan halal yang betul melibatkan pemotongan yang cepat dan efisien, yang menyebabkan pengaliran darah keluar dengan cepat. Ini membantu mengurangkan kemungkinan darah bertakung dalam tubuh binatang yang boleh menjadi tempat pembiakan bakteria dan mikroorganisma yang berbahaya. Dengan darah yang dikeluarkan sepenuhnya, risiko pencemaran dan keracunan makanan dapat dikurangkan, menjadikan daging yang dihasilkan lebih bersih dan selamat untuk dimakan.

Selain itu, dalam sistem sembelihan halal, binatang perlu disembelih dengan mematuhi peraturan-peraturan kebersihan dan sanitasi yang ketat, termasuk memastikan peralatan sembelihan yang digunakan adalah bersih dan tidak tercemar. Semua ini bertujuan untuk melindungi umat Islam daripada makanan yang mungkin membawa risiko kesihatan.

Pencegahan Penyakit Berjangkit dan Toksin

Sembelihan halal juga memainkan peranan penting dalam mencegah penyakit berjangkit dan toksin. Dalam sistem sembelihan yang betul, darah binatang akan dikeluarkan sepenuhnya, yang dapat mengurangkan peluang penularan penyakit yang mungkin tersembunyi dalam darah. Sebagai contoh, daging yang tidak disembelih dengan betul atau tidak mengikut prosedur halal berkemungkinan mengandungi parasit atau mikroorganisma yang berbahaya, yang boleh membahayakan kesihatan manusia.

Selain itu, daging yang disembelih mengikut cara halal juga akan mengelakkan risiko pencemaran yang sering berlaku apabila binatang tidak disembelih dengan betul.

atau tidak mengikut standard kebersihan yang ditetapkan. Sembelihan yang dilakukan secara cepat dan tepat akan mengelakkan penyebaran toksin dan bahan-bahan lain yang berbahaya, yang boleh membahayakan penghidap penyakit seperti penyakit daging atau jangkitan bakteria.

Memelihara Hak Binatang

Salah satu prinsip dalam sembelihan halal adalah untuk memelihara hak binatang dan menghindari sebarang bentuk penyesakan. Islam mengajar umatnya untuk berbuat baik kepada semua makhluk, termasuk haiwan. Prosedur sembelihan halal mengutamakan pengurangan kesakitan binatang, dengan menggunakan alat yang tajam dan memotong saluran darah utama dengan cepat. Dalam Islam, setiap tindakan terhadap binatang harus dilakukan dengan rasa belas kasihan dan penuh tanggungjawab. Dalam hal ini, patuh kepada standard halal bukan sahaja untuk memastikan makanan itu sah, tetapi juga untuk menjaga kesejahteraan binatang tersebut. Prosedur sembelihan yang beretika dan tanpa penyesakan ini menjadi asas dalam memastikan hubungan yang harmoni antara manusia dan alam sekitar, serta menghormati hak setiap makhluk hidup.

Kepercayaan dan Kepuasan Pengguna

Kepatuhan kepada standard sembelihan halal juga memberikan keyakinan kepada umat Islam bahawa makanan yang mereka konsumsi adalah sah dan selamat. Ini sangat penting dalam masyarakat yang semakin peka

tentang makanan yang dimakan. Bagi umat Islam, mematuhi prinsip halal dalam setiap aspek kehidupan, termasuk dalam pemilihan makanan, adalah sebahagian daripada penjagaan terhadap keimanan dan ketaatan kepada perintah Allah. Dengan adanya jaminan halal, pengguna dapat menikmati makanan tanpa ragu-ragu atau kebimbangan mengenai kesahihan sumber makanan mereka. Kepercayaan terhadap kehalalan produk makanan ini bukan sahaja memberi ketenangan kepada umat Islam, tetapi juga membuka ruang untuk pasaran makanan halal yang berkembang pesat, dengan permintaan dari seluruh dunia.

Kesimpulan

Patuh kepada standard sembelihan binatang mengikut halal adalah penting dalam memastikan makanan yang dimakan oleh umat Islam adalah sah dan memenuhi keperluan agama. Selain itu, ia juga memberikan manfaat dari segi kesihatan, kebersihan, serta perlindungan terhadap kesejahteraan binatang. Dalam Islam, makanan adalah sebahagian daripada ibadah, dan menjaga kehalalan makanan adalah satu bentuk ketaatan kepada Allah SWT. Oleh itu, semua pihak, daripada pengeluar hingga pengguna, perlu memastikan proses sembelihan dilakukan dengan penuh tanggungjawab dan mematuhi standard halal yang ditetapkan demi kebaikan bersama.

Kritikan Penyiaran: Keupayaan menilai dalam Kritikan Filem



Oleh:

Shahril Anuar Abdul Ghalim

Pensyarah Kanan, Fakulti Komunikasi dan
Pengajian Media (FKPM), UiTM Cawangan
Negeri Sembilan, Kampus Rembau

Umum mengetahui bahawa filem merupakan karya seni yang membawa berfungsi sebagai cerminan masyarakat. Cerminan masyarakat bermaksud setiap yang dipaparkan adalah berkisarkan kisah realiti kehidupan masyarakat samada ia berlandaskan kisah benar, cereka, mitos dan pelbagai lagi pengkisahan yang mewarnai kehidupan manusia. Ekoran ia merupakan kisah masyarakat maka ianya tidak dapat lari daripada kritikan yang hadir daripada masyarakat setempat itu sendiri. Kritikan kebiasaannya adalah berdasarkan pemahaman dan sudut pandang pengkritik. Ada yang berpandukan teori-teori tertentu dan ada pula bersandarkan penerimaan individu. Keupayaan untuk mengkritik amat bersifat subjektif dan lebih cenderung kepada pemahaman tertentu. Makanya ia mungkin berbeza antara satu kritikan dengan kritikan yang lain.

Sepertimana karya-karya seni lain seperti novel, cerpen, puisi, lukisan dan lain-lain, filem juga terdedah sebagai bahan kritikan ekoran ciptaannya merupakan hasil seni yang kompleks. Sesiapa yang terdedah dengan filem berhak untuk membuat penilaian dan kritikan berdasarkan sudut pandangan mereka. Mereka dengan mudah akan mengatakan sesebuah filem itu bagus atau sebaliknya berdasarkan pemikiran dan asas andaian mereka. Atau lebih mudah mengatakan saya suka atau tidak suka secara terus tanpa disokong dengan hujah. Inilah realiti yang harus diidepani oleh golongan pengkarya dengan kritikan-kritikan yang bakal hadir dari segenap sudut pandangan.

Kritikan merupakan sesuatu yang baik dan mempunyai peranan tersendiri dalam industri filem. Asalkan kritikan yang dibuat harus adil dalam penilaian dan disokong dengan ilmu serta bukan untuk mengatakan diri mereka lebih pandai daripada orang lain. Ini kerana kritikan tidak seharusnya berlandaskan kekurangan yang ada tetapi juga tentang kelebihan yang harus diberi perhatian. Sewajarnya sebelum melakukan kritikan, seseorang itu harus tahu bahawa filem merupakan karya seni yang mempunyai struktur yang kompleks iaitu melibatkan pelbagai aspek seperti tema, bahasa filem, pengkisahan, teknik dan alatan filem, sudut pandangan, imaginasi dan kreativiti pengarah serta pelbagai persoalan berkenaan tujuan ianya dihasilkan. Kesemuanya ini merupakan adunan yang melengkapkan proses daripada idea ke naskah kreatif.

Justeru, para pengkritik harus bijak dalam membuat penilaian sebelum kritikan dilakukan. Pengkritik harus mempunyai keupayaan untuk memahami tema dan bahasa filem. Ini merupakan perkara utama yang harus diketahui dan difahami oleh pengkritik. Tema merupakan tunjang persoalan pada karya yang hendak dipersembahkan. Ia merupakan idea dasar atau fokus utama yang cuba disampaikan oleh pengarah. Fungsinya adalah untuk memberi panduan kepada khalayak penonton berkenaan tujuan ianya dihasilkan. Seperti contoh, filem bertemakan patriotik. Tujuannya adalah untuk memberikan penghayatan kepada pembentukan jati diri dan semangat cintakan tanahair melalui penceritaan. Persoalannya mungkin terjawab melalui jalan cerita, kekuatan watak, isu yang terlibat atau konsep dan idea yang cuba digarapkan seperti semangat, falsafah, prinsip dan inspirasi tertentu. Oleh itu, amat penting untuk mengetahui apakah tema sesuatu filem itu sebelum kritikan dilakukan.

Bahasa filem juga mempunyai perkaitan rapat dengan keupayaan untuk mengkritik. Bahasa filem merupakan suatu yang kompleks dan perlu untuk difahami dengan baik. Antaranya adalah semiotik, genre, retorik, naratif, ideologi, budaya dan lain-lain yang mempunyai kepelbagaian maksud tersendiri. Ini merupakan antara perspektif yang perlu difahami sebelum membuat penilaian. Kemahiran untuk membaca bahasa filem bukan sesuatu yang mudah seperti menonton filem. Ia memerlukan idea yang jelas tentang hubungkait jalan cerita dengan maksud sebenar yang ingin disampaikan. Kesemua bahasa filem ini mempunyai tujuan yang mendalam untuk menyelami falsafah kehidupan dan membentuk makna tersurat serta tersirat. Pembentukan bahasa filem ini perlu disokong dengan aspek teknikal dalam memberikan kesan yang mendalam dari segi persembahan makna. Pergerakan kamera, pencahayaan, unsur bunyi, suntingan dan aspek teknikal lain adalah antara elemen penting dalam memberi kesan maksimum kepada penonton. Imaginasi dan kreativiti amat mendasari keupayaan aspek teknikal dalam menjelmakan persekitaran yang diinginkan.

Dan yang paling sukar adalah keupayaan untuk menyelami dan memahami apa yang tersirat dalam kotak pemikiran penulis skrip, penerbit dan pengarah. Pengkritik harus peka dengan ketiga-tiga karektor tunjang dalam pembikinan filem ini. Pengkritik harus mampu untuk mencari jawapan kepada persoalan tunjang iaitu apa yang mereka cuba untuk sampaikan atau bawakan pada khalayak tontonan. Adakah untuk tujuan mendidik, pemberitahuan, mempengaruhi atau sekadar tatapan hiburan semata-mata. Ini merupakan tahap yang sukar untuk dimengertikan jika

kritikan diolah hanya mengikut pandangan sendiri. Pengarah kebiasaannya mempunyai objektif tersendiri dalam menterjemahkan karya. Mungkin jalan cerita nampak mudah tetapi mesejnya mungkin tidak seringan jalan cerita. Hanya yang benar-benar memahami, mempunyai daya kreativiti dan keupayaan imaginasi serta pengetahuan semasa sahaja yang dapat menyelami kehendak pengarah dalam arahnya. Ini kerana filem banyak mengupas isu semasa dalam bentuk yang sinis dan berorientasikan unsur makna.

Kesimpulannya, pengkritik harus memiliki ilmu dan pemikiran yang kritis sebelum kritikan dilakukan. Pengkritik harus mempunyai pengetahuan dalam bidang seni kreatif agar meletakkan kritikan pada tempat yang betul. Pengkritik harus memahami proses penerbitan filem kerana pengkritik juga harus arif untuk melihat secara mendalam tentang kesukaran, halangan dan faktor-faktor lain yang mempengaruhi pembikinannya. Kritikan seharusnya berfungsi sebagai menegapkan yang lemah dan bukannya merobohkan yang kuat.

SERAMBI WAHYU

Bacaan Al-Quran Yang Benar

Kata Imam al-Ghazali:

وتلاوة القرآن حق تلاوته هو أن يشترك فيه
اللسان والعقل والقلب

"Dan bacaan al-Quran yang sebenar-benarnya
adalah bacaan yang disertai oleh lidah, akal,
dan hati".

-Dr. Redha-

Hotel Patuh Syariah: Penting atau Tidak?

Oleh: **Siti Nur Husna Abd Rahman¹, Rafidah Mohd Azli², Nursafra Mohd Zhaffar³, Siti Nadiyah Babge⁴**

¹Akademik Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah
2022416422@student.uitm.edu.my

²Akademik Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah
rafidah2262@uitm.edu.my

³Akademik Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau
nursafra@uitm.edu.my

⁴Koordinator Halal, UCAM Halal Centre Kolej Universiti Agrosains Malaysia, 78000 Alor Gajah, Melaka
nadiyahucam@gmail.com

ABSTRAK

Konsep hotel patuh syariah semakin berkembang seiring dengan peningkatan permintaan dalam industri pelancongan Islam. Hotel yang mematuhi prinsip syariah menawarkan perkhidmatan yang berlandaskan nilai Islam seperti penyediaan makanan halal, larangan alkohol, kemudahan ibadah, serta pemisahan ruang antara lelaki dan wanita. Artikel ini membincangkan kepentingan hotel patuh syariah dalam memenuhi keperluan pelancong Muslim, meningkatkan daya saing industri pelancongan, serta menyokong ekonomi halal. Selain itu, cabaran dalam pelaksanaannya seperti kekurangan standardisasi dan persepsi pasaran turut diperjelaskan. Kajian ini menunjukkan bahawa hotel patuh syariah bukan sekadar pilihan tetapi merupakan elemen penting dalam industri pelancongan Islam.

Kata kunci: *Hotel Patuh Syariah, Pelancongan Halal, Industri Perhotelan, Ekonomi Halal, Syariah*

PENGENALAN

Dalam era globalisasi dan kepelbagaian pilihan penginapan, konsep hotel patuh syariah semakin mendapat perhatian, terutamanya di negara dengan populasi Muslim yang besar seperti Malaysia dan Indonesia. Namun, sejauh manakah kepentingan hotel patuh syariah dalam industri pelancongan? Adakah ia satu keperluan atau sekadar pilihan?

Industri pelancongan Islam semakin mendapat tempat di peringkat global, terutamanya dalam kalangan negara-negara yang memiliki populasi Muslim yang besar. Seiring dengan perkembangan ini, konsep hotel patuh syariah telah diperkenalkan sebagai alternatif kepada pelancong Muslim yang ingin mendapatkan perkhidmatan penginapan yang selari dengan prinsip Islam. Hotel patuh syariah bukan sekadar menyediakan kemudahan halal, tetapi juga menawarkan persekitaran yang bebas daripada unsur yang bertentangan dengan ajaran Islam (Battour & Ismail, 2016).

Menurut laporan Global Muslim Travel Index (GMTI) 2022, jumlah pelancong Muslim global dijangka terus meningkat, sekaligus memberikan potensi besar kepada industri perhotelan Islam (Crescentrating & Mastercard, 2022). Walau bagaimanapun, konsep ini masih berdepan dengan pelbagai cabaran termasuk kekurangan garis panduan standard dan persepsi yang berbeza terhadap hotel patuh syariah. Oleh itu, artikel ini akan membincangkan sejauh mana kepentingan hotel patuh syariah dalam industri pelancongan serta cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaannya.

KONSEP HOTEL PATUH SYARIAH

Hotel patuh syariah merujuk kepada penginapan yang mengamalkan prinsip Islam dalam operasinya. Ini termasuk penyediaan makanan halal, larangan alkohol, kemudahan ibadah seperti surau, pemisahan ruang lelaki dan wanita di kemudahan tertentu, serta pematuhan terhadap etika berpakaian dan hiburan yang dibenarkan dalam Islam (Henderson, 2010).

KEPENTINGAN HOTEL PATUH SYARIAH

1. Memenuhi Keperluan Pelancong Muslim

Pelancong Muslim sering mencari penginapan yang selesa dan selari dengan kepercayaan agama mereka. Hotel patuh syariah memberi jaminan bahawa semua perkhidmatan yang disediakan adalah halal dan memenuhi prinsip Islam (Battour & Ismail, 2016).

2. Meningkatkan Daya Saing Industri Pelancongan

Laporan Global Muslim Travel Index (GMTI) menunjukkan pertumbuhan pesat dalam segmen pelancongan halal. Malaysia, sebagai contoh, telah diiktiraf sebagai destinasi pelancongan halal terbaik beberapa tahun berturut-turut (Crescentrating & Mastercard, 2022).

3. Menyokong Ekonomi Halal

Konsep ini membantu merangsang ekonomi halal dengan memastikan hotel mendapatkan bekalan makanan, produk, dan perkhidmatan daripada sumber yang disahkan halal, sekali gus menyokong perniagaan Muslim dan pengusaha tempatan (Othman et al., 2020).

4. Mempromosikan Gaya Hidup Islam

Hotel patuh syariah bukan sahaja menjadi tempat penginapan, tetapi juga medan dakwah dalam mempromosikan nilai-nilai Islam kepada pelancong, sama ada Muslim atau bukan Muslim (Razak et al., 2019).

CABARAN DALAM PELAKSANAAN

Namun, pelaksanaan konsep ini tidak terlepas daripada cabaran seperti:

1. Kurangnya Standardisasi – Tiada satu garis panduan antarabangsa yang seragam untuk hotel patuh syariah, menyebabkan variasi dalam pelaksanaan (Samori & Rahman, 2013).

2. Persepsi Pasaran – Sesetengah pelancong bukan Muslim mungkin beranggapan hotel patuh syariah mengehadkan kebebasan mereka, walaupun pada hakikatnya ia masih menawarkan perkhidmatan berkualiti tinggi (Stephenson, 2014).

3. Kos Operasi – Pemuatan terhadap prinsip syariah memerlukan penyesuaian dalam operasi dan fasiliti, yang boleh meningkatkan kos pengurusan hotel (Henderson, 2010).

KESIMPULAN

Jadi, adakah hotel patuh syariah penting? Jawapannya bergantung kepada perspektif pengguna dan pemain industri. Bagi pelancong Muslim, ia adalah satu keperluan yang memberi ketenangan minda dalam pemilihan tempat penginapan. Bagi pengusaha hotel, ia adalah peluang untuk meneroka pasaran baru yang berkembang pesat. Dengan sokongan yang betul, hotel patuh syariah bukan sahaja menjadi trend, tetapi juga satu elemen penting dalam membangunkan industri pelancongan Islam secara menyeluruh.

RUJUKAN

- Battour, M., & Ismail, M. N. (2016). Halal tourism: Concepts, practices, challenges, and future. *Tourism Management Perspectives*, 19, 150–154.
- Crescentrating & Mastercard. (2022). Global Muslim Travel Index 2022. <https://www.crescentrating.com>
- Henderson, J. C. (2010). Sharia-compliant hotels. *Tourism and Hospitality Research*, 10(3), 246–254.
- Othman, P., Kamarudin, M. K., & Mohd Roslan, M. A. (2020). Economic impact of Halal tourism in Malaysia. *Journal of Islamic Marketing*, 11(3), 765–780.
- Razak, M. I., Salleh, M. M., & Ahmad, F. (2019). Islamic hospitality and its application in hotel services: A review. *International Journal of Islamic Business*, 4(1), 30–40.
- Samori, Z., & Rahman, F. A. (2013). Towards the formation of Shariah-compliant hotel in Malaysia: An exploratory study on its opportunities and challenges. *WEI International Academic Conference Proceedings*, 1(1), 108–119.
- Stephenson, M. L. (2014). Deciphering 'Islamic hospitality': Developments, challenges and opportunities. *Tourism Management*, 40, 155–164.

Puisi: Niat membantu, Tingkah Meruntuhkan



Oleh:

Shahril Anuar Abdul Ghalim

Pensyarah Kanan, Fakulti Komunikasi dan
Pengajian Media (FKPM), UiTM Cawangan
Negeri Sembilan, Kampus Rembau

Produk kreatif menyantuni bangsa
Terhasilnya filem cerminan budaya
Mendepani cabaran kritikan semasa
Sederap langkah harapkan berjaya

Imaginasi visual kebangkitan popular
Maklum balas terbuka menjentik wacana
Takrifan pandangan mengundang tular
Representasi sosial apa yang tak kena

Citarasa penonton di jadi sandaran
Naskah tercipta bersulamkan ilham
Tafsiran, olahan sesuai persekitaran
Rencam khalayak mengharap faham

Kritikan terukir mengharap sempurna
Menegur beradab menggalas tujuan
Penilaian awal penghayatan makna
Tingkat kefahaman sebagai panduan

Sebelum bicara perincian diri
Logik akal moden dan tradisional
Gabungkan rumusan kajian dan teori
Kritikan filem janaan profesional

Segalanya akan meninggalkan kesan
Tak kira perbuatan, kata dituturkan
Wujudnya kritikan cadangan dan pesan
Niat membantu, tingkah meruntuhkan

Celik Kewangan: Teliti Dalam Berhutang, Kira Dulu Sebelum Pinjam



Oleh:

Mustafa Kamal Mat

Pensyarah Kanan Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau



Saflina Binti Azis

Pensyarah Kanan Fakulti Perakaunan, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban

Berhutang merupakan satu bentuk muamalat yang disediakan oleh syariat Islam bagi tujuan yang baik dan bermanfaat, iaitu memenuhi keperluan keluarga, pendidikan, perniagaan atau lain-lain tujuan kebaikan. Namun, jika berhutang untuk hidup bersenang-senang dan bermewah-mewah, sangat tidak digalakkan.

Hutang atau pinjaman kini menjadi keperluan dalam sebahagian kehidupan manusia. Mereka berhutang bagi membeli kediaman, kenderaan, modal perniagaan serta pelbagai keperluan lain. Namun dalam masa yang sama, Islam sebagai agama yang sempurna telah mengajar umatnya lebih awal agar berbelanja secara berhemah bagi mengelakkan berhutang.

Bagi mereka yang belum mempunyai apa-apa komitmen hutang, disarankan untuk membuat perancangan kewangan dengan baik agar tidak berhutang melebihi had maksima pembayaran. Agihan pendapatan individu perlu dibuat secara cekap dan teliti demi keharmonian kehidupan. Mutakhir ini amalan berhutang telah menjadi kebiasaan kepada sebahagian anggota masyarakat. Lebih mendukacitakan apabila mereka yang berkemampuan juga turut berhutang kerana ia adalah kaedah terbaik bagi memperoleh kekayaan (wealth) yang maksima.

Apabila telah tergolong dalam keadaan berhutang, pasti ada niat untuk segera bebas dari hutang yang ada. Jika belum ada hutang, elakkan daripada membuat sesuatu yang mungkin membebankan hidup, tanpa disiplin yang tinggi.

Jangan buat hutang lagi.

Situasi ini paling sukar bagi sesetengah orang, tambahan pula ditawarkan pinjaman yang terlalu susah untuk dilepaskan. Di samping itu, baru-baru ini dapat anjakan kenaikan gaji baharu yang agak besar jumlahnya.

Bagi golongan yang belum ada hutang, hiduaplah tanpa hutang selagi mampu. Kekalkan diri dalam keadaan bebas hutang, untuk kesejahteraan hidup. Belilah keperluan secara tunai. Kalau terpaksa berhutang, itu maknanya belum mampu. Jadi, perlu kumpul duit dulu, apabila dah cukup baru beli. Manakala orang yang sudah sedia berhutang, elakkan untuk buat hutang baru. Gunakan lebih pendapatan untuk segera selesaikan hutang sedia ada, demi menjamin hidup lebih tenang. Lebih ansuran sedia ada boleh dijadikan

simpanan kecemasan bagi menampung belanja ketika sesak. Sekiranya ada kad kredit, usahakan untuk berhenti berbelanja dengannya.

Rancang hutang dengan bijak

Jika hutang menjadi keperluan untuk mencapai sesuatu yang bermanfaat dan tinggi nilainya, maka perlu perancangan rapi. Orang yang bijak akan menetapkan kadar yang sesuai untuk setiap bayaran ansuran hutang mereka. Secara keseluruhannya, mereka akan pastikan komitmen hutang tidak melebihi 60 peratus (60%) daripada gaji yang diterima.

Bagi orang muda yang baru bekerja, mereka tidak digalakkan membuat hutang terlalu awal. Terutamanya hutang kad kredit dan pinjaman kereta. Kebiasaannya inilah dua jenis hutang yang menjadi kegemaran orang muda untuk memenuhi kehendak mereka.

Sebelum berhutang, pastikan juga aliran tunai berada dalam keadaan yang teguh dan mudah dibuktikan. Maknanya sumber pendapatan perlulah baik dan sentiasa mempunyai lebihan tunai yang tinggi. Institusi kewangan atau bank amat menyukai golongan yang mempunyai aliran tunai yang teguh. Ini menjadi perkara asas dalam mempertimbangkan kelulusan pembiayaan yang dikehendaki.

Semasa merancang, mereka perlu juga memastikan skor kreditnya sangat baik dan rekod pembayaran sebelum ini juga cantik. Skor kredit dan sejarah pembayaran boleh dilihat di Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS) dan Credit Tip Off Service (CTOS). Sebagai penghutang, rekod CCRIS boleh di akses di Bank Negara Malaysia (BNM) dan CTOS pula perlu dibeli. Kedua-duanya penting sebelum apa-apa tindakan untuk membuat hutang dilaksanakan.

Elakkan hutang yang kadar faedah tinggi

Langkah drastik yang boleh disegerakan ialah dengan tidak membuat hutang kad kredit dan pinjaman peribadi. Kenapa perlu elak? Kerana dua-dua hutang ini mengenakan kadar faedah atau caj keuntungan yang tinggi. Mesej ini perlu diketahui oleh mereka yang tidak mampu mengawal hawa nafsu terhadap tren kehidupan. Tanpa kawalan ketat, sukar untuk melunaskan hutang kad kredit dalam jangka masa pendek.

Risiko kadar faedah yang tinggi boleh mengakibatkan pengguna gagal membayar ansuran yang lebih tinggi, hanya mampu membuat bayaran minima sahaja. Kesannya hutang akan menjadi lebih panjang, serta jumlah faedah yang dibayar juga turut meningkat. Oleh itu, hasrat untuk menikmati bebas hutang dalam masa singkat akan punah.

Walaupun agama Islam tidak melarang umatnya berhutang, namun tidak digalakkan tanpa keperluan mendesak. Justeru, hindarilah amalan suka berhutang tanpa tujuan yang benar-benar mustahak. Sekiranya perlu, maka rancang dengan teliti dan berazam untuk membayar hutang tersebut dengan cepat. Hutang bukan sekadar beban kewangan, tetapi satu amanah yang amat berat di sisi agama Islam.